

31/05/1998

Kadar faedah lebih rendah

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan merangka kaedah untuk menurunkan kadar faedah pinjaman daripada institusi kewangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kadar pada masa sekarang antara 15 dan 16 peratus adalah sangat tinggi.

"Kadar pinjaman sebenar bergantung kepada jumlah wang, margin yang diperkenalkan bank untuk membolehkan mereka dapat keuntungan dan pinjaman antara bank. Kadar 15 hingga 16 peratus sekarang ini amat tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-45 di Wisma MCA, semalam.

Dr Mahathir berkata, negara sedang tertekan dengan apa yang disebut sebagai kuasa pasaran semasa yang mahukan kerajaan menaikkan kadar faedah supaya syarikat bankrap.

"Sebab mereka kata syarikat perlu dibankrapkan. Tetapi, kita ada pandangan lain. Kita rasa jika syarikat bankrap, kerajaan juga akan bankrap," katanya.

Beliau berkata, kerajaan hendak meningkatkan pertumbuhan pinjaman, tetapi apabila bank tidak yakin dengan perkembangan pada masa depan, bank biasanya tidak memberi pinjaman. "Jadi kita kena bagi desakan kepada bank," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri menyarankan semua pihak perlu mengelakkan penggunaan mata wang dolar kerana jumlah dolar yang ada tidak mencukupi.

Menurutnya, Jepun sudah bersetuju supaya perdagangan dengannya menggunakan mata wang yen.

Sebelum ini, 70 peratus perdagangan negara menggunakan dolar sedangkan jumlah dagangan sebenar dengan Amerika Syarikat hanya 18 peratus.

"Jadi, 52 peratus perdagangan dengan negara lain menggunakan mata wang itu.

"Apabila dolar kukuh, kita menghadapi masalah membeli barang dari luar. Apabila yen rendah, faedah bukan kepada kita sebab kontrak dalam dolar.

"Jika dagang dalam yen, jika ia jatuh perbezaan dengan mata wang kita tidak banyak," katanya.

Beliau berkata, negara perlu pertahankan pendapatan daripada tukaran asing dan pada masa yang sama perlu minimumkan perbelanjaan dengan mengurangkan import dan meningkatkan eksport serta dan berdagang menggunakan mata wang negara terbabit.

Ditanya mengenai pertumbuhan bagi tempoh suku pertama tahun ini, Dr Mahathir berkata kadarnya tidak begitu baik kerana berdasarkan keadaan sekarang ternyata negara terpaksa menerima hakikat bahawa ekonomi berhadapan dengan pelbagai masalah.

"Jadi saya jangka pertumbuhan suku pertama tahun ini tidak begitu baik tetapi kita perlu tunggu sehingga angka sebenar dikeluarkan nanti," katanya.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai Syarikat Pengurusan Aset (SPA) yang mengambil alih pinjaman tidak berbayar (NPL).

"SPA mengambil alih NPL dalam nilai tertentu dan uruskannya dalam usaha membantu memulihkan syarikat untuk bayar semula pinjaman.

"Akhirnya, SPA boleh buat keuntungan daripada NPL," katanya sambil menegaskan setiap pengambilalihan terlebih dahulu diteliti.

Katanya, SPA tidak akan mengambil alih syarikat yang boleh diuruskan oleh bank. Tetapi jika jumlah NPL semakin bertambah dan membebaskan mereka

daripada memberi pinjaman, SPA akan mengambil NPL supaya bank boleh pinjamkan kepada mereka yang layak.

Terdahulu, beliau berkata kerajaan membantu semua syarikat dan bukan yang semata-mata dimiliki oleh Bumiputera.

"Kita bantu semua tetapi nampaknya syarikat Bumiputera adalah baru. Disebabkan masalah kejatuhan matawang dan saham jatuh, jadi banyak yang rugi. (Kerajaan) terpaksa bantu mereka, kalau tidak masalah ketidakseimbangan itu berlaku semula," katanya.

(END)